

1. Apakah Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?

Ini adalah kad jenama bersama yang dikeluarkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan kerjasama strategik bersama AIA Insurance Agency Force Association Malaysia (AIAFAM), dahulunya dikenali sebagai "INGIAFAM" direka khas eksklusif untuk komuniti AIAFAM.

2. Siapakah yang layak untuk memohon Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?

- a) Pemegang Polisi Insurans Nyawa Premium AIAFAM
- b) Ahli dan Pengurus Agensi AIAFAM
- c) Pihak Pengurusan dan Kakitangan AIAFAM

3. Apakah syarat-syarat untuk memohon Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?

Umur Minimum	Kad Utama – 21 tahun Kad Tambahan – 18 tahun
Pendapatan Minimum	RM32,000 setahun / RM2,666.67 sebulan
Warganegara	Malaysia

4. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memohon Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Borang Permohonan Kad Kredit/i BSN (terdapat di www.bsn.com.my)
- Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang) termasuk Pemohon Tambahan (jika ada)

Jenis Permohonan	Dokumen Diperlukan
PEKERJA BERGAJI <ul style="list-style-type: none">• Kakitangan Kerajaan• Kakitangan Sektor Swasta	<ul style="list-style-type: none">• Salinan penyata gaji 1 bulan terkini ATAU Surat Pengesahan Majikan (Untuk kakitangan Tentera dan Polis, sila kepilkan salinan Kad Kuasa)• Salinan penyata gaji 3 bulan terkini / Penyata KWSP / Borang EA / Borang BE terkini
BEKERJA SENDIRI	<ul style="list-style-type: none">• Salinan Borang 9, 24 & 49 ATAU Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan• Salinan penyata akaun bank syarikat 6 bulan terkini DAN Borang B serta resit cukai rasmi untuk 2 tahun terkini
BERPENDAPATAN KOMISEN	<ul style="list-style-type: none">• Salinan penyata komisen 6 bulan terkini / Penyata komisen tahunan / Borang EA / Borang BE serta resit cukai rasmi

5. Apakah manfaat dan keistimewaan Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?

- a) Tiada Yuran Tahunan sepanjang hayat (Kad Utama dan Kad Tambahan).
- b) Program Ganjaran: Anda boleh memilih salah **SATU** daripada faedah berikut untuk transaksi Premium Insurans Nyawa yang dipasarkan oleh AIAFAM.
 - 0.8% Pulangan Tunai **ATAU**
 - Pelan Tanpa Faedah untuk 12 bulan (ZIP) bagi Premium Insurans Nyawa melebihi RM601

- c) Program Pulangan Tunai:
- 0.4% Pulangan Tunai untuk transaksi runcit tempatan dan luar negara (tidak termasuk transaksi Premium Insurans Nyawa AIAFAM di bawah Program Pelan Tanpa Faedah untuk 12 Bulan dan Program 0.8% Pulangan Tunai).
- d) Dilengkapi Pelan Perlindungan Kemalangan Perjalanan:
Perlindungan insurans perjalanan diberikan secara automatik sehingga RM300,000 apabila anda membayar penuh tambang penerbangan dengan menggunakan Kad anda. Anda juga akan dilindungi atas kesulitan semasa penerbangan yang disebabkan oleh kelewatan atau terlepas penerbangan, kelewatan atau kehilangan bagasi tertakluk kepada terma dan syarat polisi.
- 6. Adakah saya layak untuk mengambil bahagian dalam kedua-dua Program 0.8% Pulangan Tunai dan Pelan 12 Bulan Tanpa Faedah (ZIP) yang ditawarkan untuk Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM pada masa yang sama?**
Tidak. Anda hanya layak untuk mengambil bahagian dalam Program 0.8% Pulangan Tunai atau Pelan 12 bulan Tanpa Faedah (ZIP). Anda perlu memilih Program yang ingin anda ikuti apabila menandatangani borang permohonan Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM.
- 7. Bagaimana saya akan mendapat 0.8% Pulangan Tunai?**
Anda akan mendapat 0.8% Pulangan Tunai apabila anda membuat transaksi Premium Insurans Nyawa dengan menggunakan Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM anda.
- 8. Bilakah saya akan mendapat 0.8% Pulangan Tunai?**
Pulangan Tunai yang terkumpul setiap bulan akan ditunjukkan dalam penyata bulanan kad kredit anda yang seterusnya.
- 9. Adakah saya akan mendapat 0.8% Pulangan Tunai untuk transaksi Premium Insurans Nyawa di bawah Pelan 12 Bulan Tanpa Faedah (ZIP)?**
Tidak. Transaksi Premium Insurans Nyawa anda di bawah Program ZIP tidak layak untuk mengikuti Program 0.8% Pulangan Tunai.
- 10. Adakah saya masih layak mendapat 0.8% Pulangan Tunai selepas menukar transaksi Premium Insurans Nyawa saya kepada Pelan 12 Bulan Tanpa Faedah (ZIP)?**
Tidak. Transaksi Premium Insurans Nyawa anda tidak boleh ditukar kepada Program ZIP jika ia berada di bawah Program 0.8% Pulangan Tunai.
- 11. Adakah saya masih layak mendapat 0.8% Pulangan Tunai jika saya membatalkan/menamatkan transaksi Premium Insurans Nyawa saya?**
Tidak. 0.8% Pulangan Tunai ke atas transaksi Premium Insurans Nyawa anda akan dibatalkan.
- 12. Adakah saya akan mendapat 0.8% Pulangan Tunai untuk transaksi runcit saya yang lain?**
Tidak. 0.8% Pulangan Tunai akan hanya diberi kepada transaksi Premium Insurans Nyawa sahaja. Anda akan mendapat 0.4% Pulangan Tunai apabila anda mengajukan transaksi runcit tempatan dan luar negara.

13. Apakah jenis transaksi yang termasuk/dikecualikan di bawah Program 0.4% Pulangan Tunai?

Transaksi Runcit (Transaksi di bawah adalah termasuk untuk pulangan tunai)	Bukan Transaksi Runcit (Transaksi di bawah adalah dikecualikan daripada pulangan tunai)
i. Pembelian tempatan dan luar negara ii. Auto-bil / Transaksi Berulang iii. E-dagang / Internet / Online iv. Pesanan Mel / Pesanan Telefon	i. Program Pindahan Baki BSN ii. Kemudahan Tunai BSN iii. Pelan Pembayaran Mudah BSN iv. Pengeluaran Tunai / Transaksi Pengeluaran Tunai v. Pembalikan / Pengembalian Transaksi vi. Pertikaian, tidak sah dan/atau Penipuan Transaksi Runcit vii. Pecahan dan/atau Transaksi Terbatal viii. Sebarang yuran dan caj seperti Cukai Perkhidmatan Kerajaan (GST), Yuran Pendahuluan Tunai, Caj Kewangan dan Caj Bayaran Lewat.

14. Adakah terdapat had maksimum untuk Pulangan Tunai pada Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM setiap bulan?

Tidak. Tiada had pada amaun Pulangan Tunai yang diberikan kepada anda.

15. Adakah terdapat had maksimum untuk Pelan 12 Bulan Tanpa Faedah (ZIP) pada Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM setiap bulan?

Tidak. Tiada had pada ZIP selagi penggunaan masih di bawah had kredit.

16. Adakah saya layak untuk Pelan 12 bulan Tanpa Faedah (ZIP) jika had kredit Kad Kredit saya masih didapati di bawah had kredit sementara?

Tidak. Jumlah amaun transaksi Premium Insurans Nyawa yang menggunakan mana-mana had kredit tambahan yang diberikan oleh BSN untuk kad anda secara sementara tidak boleh ditukar kepada Program ZIP.

17. Adakah had kredit Kad Kredit saya akan dikurangkan pada setiap bulan untuk transaksi Pelan 12 Bulan Tanpa Faedah (ZIP)?

Setelah mendapat kelulusan daripada BSN untuk transaksi Premium Insurans Nyawa, had kredit anda akan dikurangkan dengan jumlah penuh transaksi. Apabila setiap ansuran bulanan ZIP dibayar balik, jumlah bersamaan dengan ansuran bulanan ZIP akan dikembalikan kepada had kredit kad anda.

18. Adakah saya layak untuk Pelan 12 Bulan Tanpa Faedah (ZIP) jika transaksi Premium Insurans Nyawa saya adalah kurang daripada RM601?

Tidak. Jumlah amaun transaksi mestilah melebihi RM601 untuk layak mengikuti Program ZIP tetapi jika amaun transaksi adalah kurang daripada RM601, transaksi itu secara automatik akan mendapat ganjaran 0.8% Pulangan Tunai tanpa mengira sama ada anda telah memilih Program ZIP di dalam borang permohonan Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM anda.

19. Adakah saya akan mendapat mata ganjaran ke atas semua urus niaga saya?
Tiada mata ganjaran akan ditawarkan di bawah Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM.

20. Adakah pemegang kad tambahan saya dapat menikmati faedah yang sama seperti saya?
Ya. Pemegang kad tambahan layak untuk mengikuti program yang sama dipilih oleh anda seperti di borang permohonan Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM anda.

21. Apakah manfaat dan keistimewaan lain yang saya dapat nikmati sebagai Pemegang Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?
Anda juga akan menikmati manfaat dan keistimewaan yang kini ditawarkan oleh BSN kepada semua Pemegang Kad yang lain seperti:

- Peningkatan Had Kredit
- Program Penukaran Baki Automatik BSN
- *Autobilling* BSN
- Program Pindahan Baki BSN
- Pelan BSN *EasyCash*
- Pelan 0% *EasyPay* BSN (EPP)
- Pelan *Instalment-Pay* BSN
- *Don't Worry Credit Shield and Don't Worry Bereavement*
- Talian Perkhidmatan Platinum 24 jam di 1-800-22-0800 atau +603-2688 0800 (Luar Negara)

22. Sekiranya saya adalah Pemegang Kad Kredit Utama BSN sedia ada, adakah saya boleh memohon Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?
Ya. Anda boleh memohon Kad ini jika anda memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang dinyatakan dalam item 2 dan 3 di atas. Kelulusan untuk permohonan Kad ini adalah tertakluk kepada penilaian kredit yang baharu. Anda dikehendaki untuk mengisi Borang Permohonan Kad Kredit/-i BSN dan menyerahkannya bersama dokumen-dokumen yang berkaitan sepertimana dinyatakan di item 4 di atas kepada mana-mana cawangan BSN atau kepada ejen jualan AIAFAM yang berkenaan/dibenarkan.

23. Apakah had kredit untuk Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?
Had kredit akan ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan pemohon serta penilaian kredit individu yang akan dijalankan oleh BSN dan tertakluk kepada budi bicara BSN.

24. Jika saya adalah Pemegang Kad Kredit BSN sedia ada dan memohon Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM, adakah saya akan mendapat had kredit yang berasingan?
Had kredit akan digabungkan dengan had kad sedia ada anda. Walau bagaimanapun, anda boleh memohon untuk kenaikan had kredit dengan menyertakan salinan pendapatan terkini untuk pertimbangan BSN, tertakluk pada terma dan syarat serta penilaian kredit BSN.

25. Adakah Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM diterima di luar negara?
Ya. Kad ini diterima dan diiktiraf di seluruh dunia, termasuk kemudahan untuk pengeluaran wang tunai menerusi rangkaian meluas Visa dan mesin ATM PLUS.

26. Adakah yuran tahunan dikenakan ke atas Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?

Tiada yuran tahunan dikenakan ke atas Kad ini untuk seumur hidup. Keistimewaan ini juga diberikan kepada Pemegang Kad Tambahan anda.

27. Bagaimana dengan bayaran minimum bulanan?

Bayaran minimum bulanan yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

5% baki semasa* + 100% ansuran bulanan (jika ada)** + 100% amaun tunggakan (jika ada) + amaun melebihi had kredit (jika ada) ATAU RM50 yang mana lebih tinggi.

* Baki semasa = Cukai Perkhidmatan + transaksi runcit (jika ada) + amaun pendahuluan tunai (jika ada) + caj kewangan dan/atau caj lewat dan sebarang fi dan caj lain yang berkaitan (jika ada).

** Terpakai kepada program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN *EasyCash*, Pelan 0% *EasyPay* BSN, Pelan *Instalment-Pay* BSN yang BAHARU, Penukaran Baki Automatik (ABC) dan pelan ansuran lain yang disediakan dari semasa ke semasa yang diluluskan bermula dari 2 Oktober 2019.

28. Apakah caj pembayaran lewat?

Caj bayaran lewat adalah sekurang-kurangnya RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata (yang mana lebih tinggi), sehingga maksimum RM100 untuk setiap bulan/tarikh penyata.

29. Apakah caj-caj kewangan untuk Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?

a) **Pembelian Runcit**

Caj Kewangan akan dikenakan ke atas baki tertunggak transaksi runcit yang tidak dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Pengiraan Caj Kewangan akan dikira bermula dari tarikh transaksi dinyatakan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam akaun Kad berdasarkan kadar berikut:

Tahap	Kadar	Syarat
I	13.50% setahun	Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu dibayar selama 12 bulan berturut-turut.
II	16.00% setahun	Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu dibayar bagi 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan.
III	17.50% setahun	Pemegang Kad yang tidak termasuk dalam kategori-kategori di atas.

b) **Pendahuluan Tunai**

Caj Kewangan akan dikenakan pada kadar 1.5% sebulan, yang bersamaan 18% setahun dan dikira pada kadar harian dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam akaun Kad.

30. Apakah caj untuk transaksi pendahuluan tunai?

Anda akan dikenakan caj sebanyak 5% daripada pengeluaran tunai atau minimum RM10 yang mana lebih tinggi, bagi setiap transaksi.



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
KAD KREDIT BSN-AIAFAM VISA PLATINUM**

31. Saya ingin memohon Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM tetapi saya masih mempunyai baki tertunggak dari kad kredit saya dengan bank lain. Apakah yang perlu saya lakukan?

Anda boleh meneruskan permohonan bagi Kad ini. Setelah permohonan diluluskan, anda boleh memohon Program Pindahan Baki BSN untuk memindahkan baki tertunggak anda ke Kad baru anda. Anda perlu melengkapkan permohonan Pindahan Baki BSN dalam Borang Permohonan Kad Kredit/-i BSN dan hantarnya ke mana-mana cawangan BSN atau e-mel kepada cardservices@bsn.com.my.

32. Bagaimana saya boleh memohon atau mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Kad Kredit BSN-AIAFAM VISA PLATINUM?

- a) Hubungi ejen jualan AIAFAM yang berkenaan/dibenarkan; atau
- b) Kunjungi mana-mana cawangan BSN; atau
- c) Layari laman web BSN di www.bsn.com.my; atau
- d) Hubungi Khidmat Pelanggan BSN di 1-300-88-1900 atau +603-2613 1900 (Luar Negara).

Versi bertarikh 10/06/2024